



Pendidikan Benteng

PENYATUAN BANGSA

MUHAMMAD HAFY ZIKRI MUHAMMAD SHAFRI

MASIH adakah harapan ke arah penyatuan bangsa di Malaysia? Persoalan ini tentunya agak sukar untuk dijawab dan bagi mereka yang ingin melihat semua kaum di negara ini bersatu padu, mempunyai kekuatan, keberanian, dan kesungguhan untuk bersuara kerana proses untuk mewujudkan perpaduan dan penyatuan bangsa di negara ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Kita perlu mengakui bahawa perkara tersebut amat sukar untuk dilaksanakan, tetapi tidak mustahil untuk dicapai.

Setiap kaum mesti memiliki keazaman yang tinggi dengan meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan bangsa atau kaum. Jika ada pihak yang menganggap bahawa usaha untuk memupuk perpaduan dan penyatuan kaum sudah agak terlewat kerana kita membiarkan perkara ini berlarutan selama 58 tahun, ternyata hal tersebut perlu dikaji semula. Kita perlu ingat bahawa untuk menjadikan perpaduan kaum di negara ini terus

utuh, kita sememangnya memerlukan masa, pengorbanan, dan paling penting kesediaan untuk melakukan perubahan demi kebaikan generasi pada masa hadapan.

Langkah membiarkan kanak-kanak belajar di sekolah berlainan aliran bertujuan menyemai semangat toleransi sebenarnya menjadi penyumbang terbesar kepada kegagalan kita untuk membentuk sebuah negara bangsa, seperti yang diamalkan di Indonesia, Thailand mahupun di Singapura.

Bercakap soal memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini, tidak dinafikan perkara tersebut perlu dipupuk seawal usia kanak-kanak dan pendekatan yang paling berkesan melalui sistem pendidikan. Disebabkan sistem pendidikan di negara ini membenarkan setiap kaum mempunyai sekolah dengan bahasa penghantar mereka sendiri, selain sekolah kebangsaan yang sepenuhnya menggunakan bahasa penghantar bahasa Melayu, mereka yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina atau Tamil, terus membesar dengan semangat dan jati diri kaum masing-masing.

Sementara itu, mereka yang memilih untuk bersekolah kebangsaan rata-rata anak Melayu. Hanya sebilangan kecil anak daripada kaum Cina dan Tamil.

Dari segi tahap pergaulan, walaupun bersekolah di sekolah yang sama, pergaulan mereka juga terbatas mengikut kaum. Jarang-jarang sekali kita dapat melihat mereka bergaul tanpa mengira latar belakang kaum. Jika adapun hanya terbatas di kawasan sekolah. Di luar kawasan sekolah, hampir tidak wujud sama sekali apa-apa yang disebut atau dimengertikan sebagai rakan taulan atau sahabat. Di SJK sama ada Cina atau Tamil, keadaannya lebih menyedihkan. Mereka hanya bergaul sesama sendiri, bercakap bahasa ibunda, dan boleh dikatakan tidak wujud langsung pergaulan dengan kaum lain.

Ada pihak yang menyatakan bahawa langkah membiarkan kanak-kanak belajar di sekolah berlainan aliran bertujuan menyemai semangat toleransi sebenarnya menjadi penyumbang terbesar terhadap kegagalan kita untuk membentuk sebuah negara bangsa, seperti yang diamalkan di Indonesia, Thailand ataupun di Singapura. Mereka bukan sahaja memiliki sekolah satu aliran, tetapi juga belajar dalam satu bahasa, dan mereka berasa bangga apabila disebut sebagai bangsa Indonesia atau bangsa Thai, tetapi dalam masa yang sama tetap utuh dengan jati diri dan berpegang pada adat, budaya suku kaum masing-masing. Lihat di Bali, Indonesia, meskipun mereka belajar dalam satu aliran, adat dan budaya mereka tidak pernah lekang untuk diamalkan. Mereka berjaya membuktikan kepada dunia bahawa Bali merupakan antara lokasi di dunia yang masih utuh pemeliharaan adat dan budaya mereka.

Malangnya semua ini tidak berlaku di bumi Malaysia yang dihuni rakyat pelbagai kaum. Apabila ada pihak yang lantang mahu mengubah sistem ini, mereka dilabel sebagai cuba meniadakan kepentingan sesuatu kaum. Lebih teruk, apabila mereka dianggap sebagai pencetus perkauman. Sedangkan apa-apa yang ingin diubah sebenarnya cukup baik untuk kepentingan generasi pada masa hadapan dan pembangunan negara.

Selama ini, kita banyak dibuai dengan sentimen perkauman tanpa berfikir secara terbuka dan bertanya tentang sebab perlunya sekolah satu aliran dan sebab sekolah

tersebut penting untuk diwujudkan. Apabila isu ini kembali dibangkitkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, bukan sedikit yang menyokongnya. Beliau tentunya mempunyai alasan apabila membangkitkan perkara tersebut dan melihat kepentingan itu dari sudut yang lebih besar. Mungkin pelaksanaannya perlu mengambil masa, tetapi usaha ke arah itu perlu digerakkan sekarang memandangkan usaha untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum pada masa ini mulai goyah dan membimbangkan banyak pihak.

Menurut beliau, sudah sampai masanya kerajaan memberikan tumpuan untuk mewujudkan sistem persekolahan satu aliran memandangkan langkah tersebut satu-satunya jalan ke arah memupuk semangat perpaduan dan menanamkan semangat cinta akan negara. Sekolah merupakan saluran pendidikan dan membuka ruang kepada murid pelbagai kaum untuk mengenali antara satu dengan lain dengan lebih akrab. Sekolah pelbagai aliran dilihat menjadi benteng untuk menjalin semangat muhibah antara kaum.

Kita tidak lagi boleh membiarkan kanak-kanak dipisahkan mengikut kaum. Belajar menggunakan bahasa ibunda mereka dan bergaul sesama sendiri tanpa diberi peluang untuk mengenali rakan daripada kaum lain dengan lebih dekat. Jika kita lihat keadaan yang berlaku di negara ini belakangan ini, polemik perkauman kembali menjadi isu dan boleh dianggap sebagai sesuatu yang serius apabila turut diheret menjadi mainan politik sempit pihak berkepentingan.

Kita memerlukan penyelesaian jangka panjang walaupun perkara tersebut mengambil masa untuk melihat hasilnya, iaitu melahirkan satu generasi baharu yang bangga menjadi bangsa Malaysia yang bersatu, memiliki semangat cinta akan negara dan hidup aman, harmoni, serta saling menghormati. Maka amat penting untuk kita mewujudkan sistem pendidikan yang benar-benar bersiat kebangsaan dan dalam masa yang sama, tetap mengangkat dan mempertahankan bahasa ibunda kaum lain untuk

Sudah sampai masanya kerajaan memberikan tumpuan untuk mewujudkan sistem persekolahan satu aliran memandangkan langkah tersebut satu-satunya jalan ke arah memupuk semangat perpaduan dan menanamkan semangat cinta akan negara.

- Datuk Seri Abdul Wahid Omar



NOVEMBER 2015 DEWAN MASYARAKAT



Sistem pendidikan menjadi asas pembentukan perpaduan antara kaum.

dipelajari kerana melalui cara inilah mereka boleh mengenali dan mempelajari adat dan budaya kaum lain seterusnya menciptakan rasa saling menghormati.

Persoalannya, jika kita menafikan perkara ini mampu mempertahankan perpaduan dalam kalangan generasi akan datang, adakah kita mempunyai medium lain yang paling tepat untuk mencapai tujuan yang sama? Adakah kita mempunyai pilihan?

Sekolah satu aliran yang dipertahankan itu bukan bertujuan untuk meniadakan kepentingan kaum lain atau mempertahankan warisan adat dan budaya serta jati diri kaum masing-masing. Begitu pun, kita perlu berfikir dengan lebih terbuka dan realistik terutama apabila melihat kesan daripada sistem pendidikan pelbagai aliran ini terhadap generasi pada hari ini. Pandangan sesetengah pihak yang ingin mempertahankan sistem pendidikan vernakular sebenarnya lebih bersifat perkauman tanpa memikirkan kesannya. Banyak murid berbangsa Cina yang tidak mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di sekolah swasta Cina terpaksa meneruskan pelajaran di sekolah kebangsaan.

Malangnya, mereka tidak mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik hingga menyebabkan mereka tidak mampu mengikuti pelajaran dengan baik dan banyak yang tercicir disebabkan penguasaan bahasa Melayu yang begitu lemah. Mereka yang beria-ia mempertahankan sekolah vernakular mungkin sedar akan perkara ini. Begitu juga dengan pemimpin masyarakat kaum Cina yang turut menyedari perkara ini, tetapi mereka tidak berani secara

terbuka untuk menyuarakannya. Pemimpin politik pula takut hilang populariti dan hilang sokongan, selain akan dituduh mengkhianati bangsa sendiri.

Satu aliran bermakna menggunakan satu bahasa pengantar yang dilihat lebih relevan jika kita bercakap mengenai usaha membentuk perpaduan. Apakah maknanya menjadi warganegara jika tidak berupaya menguasai bahasa kebangsaan dengan fasih dan lancar? Bukankah perkara tersebut dianggap sebagai ancaman yang serius kepada bahasa kebangsaan dan jika situasi ini dibiarkan berterusan, usaha kerajaan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan dan perpaduan hanya menjadi sia-sia.

Sudah sampai masanya selepas 58 tahun merdeka, rakyat Malaysia wajar berfikir secara terbuka berhubung dengan sistem pendidikan negara dan sanggup berubah untuk kejamburan masyarakat serta pembangunan jangka panjang. Semua pihak perlu sedar bahawa sistem pendidikan satu aliran akan membantu mewujudkan integrasi kaum seawal peringkat kanak-kanak, sekali gus mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berdaya saing.

Sekiranya pada peringkat kanak-kanak lagi pendidikan dibuat secara berasingan, berasaskan kaum, dan bahasa, maka sampai bila-bila pun akan wujud ruang perbezaan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Nilai perpaduan amat berharga dalam tamadun sesebuah negara. Lantaran itu, perjuangan bagi mewujudkan sekolah satu aliran wajar dilihat dan dinilai dalam konteks yang lebih luas dan rasional tanpa dipengaruhi sentimen sempit yang akhirnya merugikan anak bangsa.